

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Jika teh itu _____, tambahkan air supaya rasanya tawar.
- b. Awangku Tajuddin seorang biduan terkenal di Negara Brunei Darussalam sementara isterinya Dayang Norsiah pula seorang _____.
- c. Sejak dia mengamalkan petua itu, kepalanya yang botak kini sudah _____.
- d. Kita dianjurkan makan sayur-sayuran _____ dan elakkan makan sayur-sayuran yang sudah layu.
- e. Baginda mempunyai seorang putera yang tampan dan tiga orang _____ yang jelita.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Kita digalakkan membeli barangan asli, elakkan membeli barangan _____.
- b. Dia masih ingat akan sahabatnya tetapi sahabatnya telah _____ akan dirinya.
- c. Kita mesti mengutip sampah sarap di kawasan itu kerana orang ramai kerap _____ sampah di merata-rata tempat.
- d. Buah mangga itu _____ ketika masak tetapi masam semasa mentah.
- e. "Barang yang masih elok perlu disimpan dengan cermat tetapi yang sudah _____ perlu dibuang," kata ibu kepada Ali.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Masih ramai yang mendaki gunung itu, namun sudah ada yang _____ juga.
- b. Parang yang _____ kalau diasah akan menjadi tajam.
- c. Abangnya kecil tetapi _____ nya berbadan besar.
- d. _____ mendidik murid supaya menjadi orang yang cerdik, pandai dan berguna kepada negara.
- e. Kakak rajin memasak tetapi _____ mencuci pinggan.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Imam menyampaikan khutbah dengan jelas manakala _____ mendengar dengan khusyuk.
- Buatlah pekerjaan yang berfaedah dan tinggalkan pekerjaan yang _____.
- Ramai pekerja di bandar berasal dari _____.
- Biasanya nelayan pergi ke laut pada waktu _____ dan pulang pada waktu petang.
- Anak-anak mudah menerima teguran secara lembut tetapi sukar menerima teguran secara _____.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Anak yang derhaka mendapat dosa tetapi yang _____ akan mendapat pahala.
- Kami mendaki Bukit Shahbandar dari kaki bukit hingga ke _____ nya.
- Pengakap itu bertenaga mendaki Gunung Kinabalu tetapi letih apabila _____ nya.
- Dia lulus dengan cemerlang kerana belajar bersungguh-sungguh tetapi adiknya _____ kerana malas belajar.
- Kakak membeli kereta _____ kerana kereta lamanya selalu rosak.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Bekas pelajar itu baharu bertemu semula dengan gurunya setelah 40 tahun _____.
- Kesedihan yang dialaminya bertukar menjadi _____ kerana mendapat hadiah komputer yang baru.
- Bangunan yang baru dibina itu telah _____ kan kerana melanggar peraturan kerajaan.
- Penolong guru besar ada di sekolah tetapi guru besar _____ kerana menghadiri mesyuarat di Kementerian Pendidikan.
- Murid-murid yang cerdas dipisahkan dengan murid-murid yang _____ kerana memudahkan guru mengajar.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Bau busuk dalam stor itu menjadi _____ apabila disembur dengan bahan pewangi.
- b. Tegurlah anak dengan bahasa yang _____, elakkan menegur mereka menggunakan bahasa kasar.
- c. Anak benih yang ditanam oleh Pak Mat itu habis _____ oleh pekerjaanya.
- d. Pada waktu subuh, burung-burung keluar mencari makanan dan akan pulang ke sarang pada waktu _____.
- e. Mak Siti sangat sayang anak-anaknya, tetapi dia _____ dengan sikap anaknya yang pemalas itu.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Buku-buku abang kebanyakannya tebal tetapi buku-buku saya pula kebanyakannya _____ sahaja.
- b. Ayah suka minum kopi yang cair, sebaliknya ibu suka minum kopi yang _____.
- c. Kerbau itu akan duduk apabila _____ dan meragut rumput semula apabila lapar.
- d. Dia _____ dengan keluarga ibu saudaranya itu tetapi benci dengan anak sulungnya yang sombong.
- e. Untung sabut _____, untung batu tenggelam.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Bau busuk di rumah itu menjadi _____ apabila disembur dengan bahan pewangi.
- b. Mula-mula kereta yang dihanyutkan arus itu _____, lama-kelamaan kereta itu tenggelam.
- c. Nelayan-nelayan tidak turun ke laut ketika laut bergelora sebaliknya mereka akan turun apabila laut _____.
- d. Mona telah gagal dalam peperiksaan pertengahan tahun tetapi dia _____ dengan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.
- e. "Jangan pakai baju yang terlalu ketat, pakailah baju yang _____ sedikit," kata ibu kepada kakak.

(5 markah)